

UMS anjur pendidikan Tibi di Sikuati

UB 03-07-2012 A7

KUDAT: Sekolah Perubatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan Zero TB World, Korea telah menganjurkan majlis perasmian Kempen Pendidikan Tuberkulosis, di Pusat Pendidikan Perubatan Desa (PPPD) Sikuati, baru-baru ini.

Program sehari itu telah dihadiri lebih kurang 280 orang penduduk pelbagai etnik dari beberapa buah kampung dan pelajar sekolah daerah ini.

Majlis dirasmikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri bahagian Kesihatan Awam JKNS, Dr Asits Sanna, mewakili Ketua Pengarah Kesihatan, Dato' Sri Dr Hasan Abdul Rahman.

Antara tetamu kehormat lain yang hadir adalah Naib Canselor UMS, Profesor Dr Mohd. Harun Abdullah, pengerusi bersama kempen, Profesor Dr Datu Kamarudin Datu Mudin dan Dr Richard Avoi, serta wakil daripada Zero TB World cawangan Malaysia, Hong Seung Hoon dan Park Kwi Hyon.

Dalam ucapannya yang disampaikan oleh Asits,



SALAH seorang pelajar menjalani pemeriksaan percuma.

Hasan berkata kolaborasi pelbagai agensi termasuk badan bukan kerajaan dalam mengawal penyakit TB adalah termasuk dalam Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan Tibi.

“Maka dengan kerjasama di antara Pertubuhan Zero Tuberkulosis World, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Universiti Malaysia Sabah, program ini akan menjana output yang tinggi dan berpotensi untuk memastikan matlamat mengurangkan penyakit Tibi di daerah Kudat tercapai,” katanya.


Beliau juga menyeru agar komitmen yang tinggi harus diberikan oleh semua pihak demi membantu

meralisasikan matlamat berkenaan.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan khusus untuk penduduk kampung seperti ceramah mengenai penyakit Tibi, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, sukaneka dan pertandingan kuiz.

Pemeriksaan kesihatan secara percuma turut diberikan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Kempen ini akan berlangsung sepanjang empat bulan di sekitar Kudat bermula daripada Sikuati pada bulan Jun lalu ke Matunggong (Julai), Tambuluran (Ogos) dan Mangaris (September).



KAMARUDIN (dua dari kiri) menunjukkan kawasan perkampungan di mana mereka akan mengadakan kempen.